

**TEKS UCAPAN**  
**PROFESOR DATUK TS. DR. HAJAH RODZIAH BINTI**  
**JANOR**  
**NAIB CANSOLOR**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA**  
**PERBARISAN KOMANDAN PALAPES**  
**DAN**  
**UPACARA SERAH MENYERAH TUGAS**  
**TIMBALAN KOMANDAN PALAPES, 2023**

**28 JANUARI 2023 | SABTU | PAGI**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis,**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Sejahtera.**

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Sazili Shabibi**

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM

**Yang Berbahagia Leftenan Kolonel Prof. Madya Hj.  
Zaid Bin Ngah**

Timbalan Komandan PALAPES UiTM

**Yang Berusaha Mejar Muhammad Nazri bin Ahmad**

Ketua Jurulatih PALAPES UiTM.

- **Rektor-rektor Kampus Cawangan**
- **Pengarah Pembangunan Pelajar**
- **Pengarah Ko-Kurikulum UiTM**

- **Ketua-ketua Unit PALAPES**
- **Koordinator-Koordinator PALAPES**
- **Pegawai-pegawai Sukarela PALAPES UiTM**
- **Jurulatih-jurulatih PALAPES dan seterusnya Pegawai-Pegawai Kadet dari tiga Perkhidmatan yang dikasihi.**

**[SALUTASI-KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN]**

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kita kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama menjayakan Majlis Perbarisan Ulung Komandan PALAPES Universiti Teknologi MARA.

2. Pada hari ini juga Majlis Serah Menyerah tugas Timbalan Komandan PALAPES UiTM akan berlangsung. Kita amat bertuah dapat melihat upacara regimental yang jarang kita lihat.

3. Saya amat menghargai atas kerjasama dua agensi iaitu Angkatan Tentera dan UiTM yang sentiasa berganding bahu dalam memastikan Kadet PALAPES UiTM khususnya dibekalkan dengan ilmu ketenteraan di samping ilmu akademik yang sedia ada.

**Hadirin sekalian,**

4. Sebagai Komandan PALAPES UiTM saya ingin menyeru semua warga Universiti Teknologi MARA agar sama-sama memberikan sokongan moral kepada semua pegawai kadet PALAPES agar mereka sentiasa berasa dihargai oleh semua kakitangan Universiti.

Pengorbanan mereka perlu dihargai memandangkan semasa para pelajar lain mula bercuti selepas peperiksaan akhir, mereka akan meneruskan latihan sehinggakan cuti semester hanya berbaki tiga hari sebelum semester baru bermula.

5. Nasihat saya kepada semua pegawai kadet, aplikasikanlah semangat waja yang ada di dalam diri masing-masing yang diperolehi melalui latihan ketenteraan ini untuk terus cekal dan berusaha bagi mencapai kejayaan di dalam bidang akademik yang sedang diikuti. Jadilah anak yang sentiasa memberikan kebahagiaan dan kejayaan kepada ibu bapa serta keluarga. Buktikan bahawa program ko-kurikulum ini bukanlah penghalang untuk menjadi yang terbaik. ***“Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”.***

6. Akhir kata, marilah kita sama-sama berdoa agar kita dan Universiti yang tercinta ini sentiasa berada di bawah rahmat Allah SWT. Amin

7. Dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' saya dengan ini merasmikan majlis Perbarisan Komandan PALAPES dan Upacara Serah Menyerah Tugas Timbalan Komandan PALAPES bagi tahun 2023.

**Sekian.**

**Wabillahitaufik Walhidayah,**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**